

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASSAN BIN MALEK  
[KUALA PILAH]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8248**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Hassan Bin Malek [KUALA PILAH]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kebenaran kononnya proses pindah milik senjata api daripada ayah kepada anak pada masa ini sungguh merumitkan. Apakah usaha yang telah dibuat bagi mempermudah urusan pindah milik ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan senjata api sama ada membeli baru ataupun pindah milik mungkin memakan masa yang lama sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Ini adalah kerana senjata api adalah merupakan peralatan yang perlu dikawal memandangkan kegunaannya yang boleh mengancam keselamatan. Dengan yang demikian, setiap permohonan untuk mendapatkan lesen memiliki atau permit senjata perlu melalui tapisan yang rapi oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi menentukan kebolehan, kemampuan dan keupayaan dari aspek fizikal, mental, kedudukan kewangan serta ekonomi individu yang memohon senjata api tersebut.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian dan pihak polis mempunyai garis panduan yang komprehensif bagi menimbangkan permohonan senjata api dan juga berpandukan kepada peruntukan undang-undang sepertimana yang termaktub di bawah Akta Senjata 1960. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui PDRM dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji prosedur bagi menambahbaik urusan pindah milik senjata api namun ianya masih tertakluk di bawah Akta Senjata 1960. Selain itu, ingin ditegaskan di sini bahawa *pemilikan senjata api bukanlah suatu hak tetapi hanyalah suatu keistimewaan sahaja.***